NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#27

15 Ogos 2024 – 21 Ogos 2024

PENULIS NEXUS
KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**nexus**

ISI KANDUNGAN

Ketidakcekapan Dalam Pengambilan Tanah 2
Poster Kemerdekaan Kesalahan Memalukan 5
Kelembapan Kerajaan Memangsakan Penternak 7
Giliran Cacar Monyet Mengganas 9
Kaji Semula Penggajian Badan Berkanun 11

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Ketidakcekapan Dalam Pengambilan Tanah

- Mahkamah Tinggi baru-baru ini telah mengarahkan kerajaan untuk memindah milik tanah seluas 263.72 ekar (106.72 hektar) di Mukim Batu kepada **Semantan Estate Sdn Bhd** (SESB). Kes yang berpanjangan sejak 64 tahun lalu menghadapi pelbagai liku dalam proses mahkamah sehinggalah akhirnya benar-benar diputuskan baru-baru ini.

- Melalui keputusan penghakiman Mahkamah Rayuan pada tahun 2018, Pentadbir Tanah pada 3 Mei 1958 telah mengakui bahawa pemberian tanah pada 27 November 1956 adalah tidak sah dan siasatan (*enquiry*) pada tarikh tersebut adalah dibatalkan. Justeru, ini telah menyebabkan pemilikan tanah oleh kerajaan adalah tidak sah.

- Kerajaan walau bagaimanapun menyatakan bahawa tanah yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah sah dan pihak plantif telah menerima pampasan sebanyak hampir RM1,320,500 dan RM79,241.01 masing-masing pada 21 Disember 1956 dan 3 Februari 1959.

- Perkara ini berlaku disebabkan oleh proses **pengambilan tanah yang tidak teratur** dan dibatalkan kerana kegagalan Pentadbir Tanah (Collector) memenuhi tuntutan dalam Enakmen Pengambilan Tanah. Antaranya:

    - Seksyen 8; Pentadbir Tanah gagal menanda, mengukur dan menyatakan rancangan apa yang mahu dibuat di atas tanah tersebut. Isu timbul apabila makluman yang disiarkan melalui warta menyatakan kerajaan mengambil 225 ekar tanah tetapi dalam pendengaran sempadan kawasan, tanah yang diambil adalah 250 ekar.

    - Seksyen 10(ii); Pentadbir Tanah gagal mematuhi seksyen 10 (2) di mana pendengaran notis tidak sepatutnya lebih awal 21 hari daripada notis dikeluarkan. Apa yang berlaku ketika itu ialah notis bertarikh 31 Oktober 1956 telah disampaikan kepada Plaintif pada 5 November 1956

berkenaan dengan siasatan yang akan diadakan pada 20 November 1956.

- Seksyen 11(i); Pentadbir Tanah gagal mempertimbangkan bantahan pihak yang berkepentingan terhadap pengukuran dan jumlah tuntutan di bawah Seksyen 8 dan gagal membahagikan pampasan (*apportion the compensation*) antara semua orang diketahui atau dipercayai berminat dengan tanah tersebut. Ini termasuk 60 ekar tanah yang diambil kerajaan kemudiannya tanpa melalui proses yang wajar.

- Hakim mengingatkan bahawa mahkamah sudah memberi masa yang cukup kepada kerajaan untuk mengambil tindakan yang munasabah bagi memenuhi keperluan yang disenaraikan. Justeru, keadilan kepada pemilik tanah perlu diberikan sewajarnya.

- Profesor Dr. Ismail Omar, Presiden Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (Pertama) menyebut bahawa wujud keperluan mendesak untuk pindaan **Akta Pengambilan Tanah 1960** (Akta 486) dibuat secara lebih adil dan menyelaraskan dengan keadaan semasa. Ini memandangkan akta ini dahulunya diambil daripada undang-undang pengambilan tanah di India.

- Jika ada pindaan pun, ia hanya melibatkan perkara-perkara yang tidak begitu penting. Antara yang perlu ditambah baik adalah, Seksyen 3 yang membenarkan pihak swasta mengambil tanah untuk tujuan pembangunan ekonomi sedangkan tujuan pengambilan untuk maksud tersebut terlalu luas maksudnya. Ini sering kali disalahgunakan untuk memaksimumkan keuntungan.

- Berkaitan jumlah pampasan yang tidak memuaskan, **Jadual Pertama Akta 486** juga perlu disemak semula dengan cadangan mekanisme penilaian tanah yang lebih telus dan mengikuti pola pasaran hartanah semasa.

- Semakan ini penting bagi mengelak implikasi buruk kepada negara pada masa akan datang jika undang-undang sedia ada terus digunakan untuk mengambil semula tanah-tanah rakyat yang dahulu diperoleh sejak merdeka untuk tujuan pembangunan.

RUJUKAN

- Kerajaan Malaysia v Semantan Estates (1952) Sdn Bhd [2018] MLJU 1839
- https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/akta-ambil-tanah-lapuk/
- https://open.substack.com/pub/themalaysianist/p/when-a-land-grab-turns-ugly?utm_source=share&utm_medium=android&r=3qi24o

Poster Kemerdekaan Kesalahan Memalukan

- Tular baru-baru ini, tindakan seorang guru wanita di sebuah sekolah menengah di Pulau Pinang menggunakan **gambar propaganda tiga anggota tentera China** bagi membuat promosi pertandingan menghasilkan buku skrap bersempena dengan Bulan Kebangsaan.



- Poster yang tular tersebut telah mengundang kecaman pelbagai pihak yang menganggap guru yang bertanggungjawab membuat poster tersebut **tidak peka dan sensitif** terhadap implikasi penggunaan gambar yang jelas mempromosi tentera negara tembok besar itu.
- Sementara itu, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Datuk Abdul Said Hussain dalam satu kenyataan berkata, pihaknya memandang serius perkara itu kerana ia telah menyinggung dan mengguris hati banyak pihak.
- Beliau turut merasa kesal atas kecuaian yang telah berlaku dan berharap semua pihak bersabar serta memberi ruang kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk jalankan siasatan. Tambah Abdul Said, tindakan sewajarnya akan diambil bagi memastikan kejadian seumpama ini tidak berlaku lagi pada masa hadapan.
- Mengulas lanjut, Abdul Said berkata guru terbabit didakwa tidak sengaja menggunakan gambar itu pada poster berkenaan dan **permohonan maaf** telah dibuat guru itu pada Jumaat lepas, manakala poster pertandingan asal juga sudah ditarik balik dan telah digantikan dengan poster lain.
- Poster berkenaan pada mulanya dimasukkan ke dalam kumpulan WhatsApp ibu bapa oleh guru sekolah itu pada 15 Ogos sebagai makluman untuk pelajar sekolah menyertai pertandingan yang dianjurkan pihak sekolah bersempena dengan Bulan Kebangsaan.

- Meskipun penjelasan dan permohonan maaf telah dibuat namun masih ramai yang menggesa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil tindakan tegas terhadap guru yang menghasilkan poster berkenaan agar menjadi pengajaran kepada orang lain.
- Terdahulu, tular isu yang hampir sama di media sosial poster rasmi sambutan kemerdekaan yang memperlihatkan **Menara Berkembar Petronas** (KLCC) dengan tambahan satu menara. Setelah menerima cemuhan pelbagai pihak, syarikat pengiklanan tersebut segera tampil membuat permohonan maaf.
- Ironinya, kedua-dua pihak terbabit melakukan kesalahan ini merupakan mereka yang berpendidikan dan waras terhadap perkara sensitif yang boleh mengundang kecaman serta kemarahan rakyat Malaysia.
- Jika kesalahan tersebut dilakukan oleh pelajar sekolah yang sedang berkarya dengan imaginasi dan khayalan masing–masing, maka ia mungkin tidak mengguris hati serta boleh dimaafkan. Sewajarnya, seorang guru itu pasti boleh membezakan antara Angkatan Tentera China dan Angkatan Tentera Malaysia.
- Justeru, kesalahan memalukan seperti ini adalah tidak wajar terhenti dan selesai dengan hanya kenyataan permohonan maaf tetapi tindakan tegas harus diambil agar ia menjadi pengajaran kepada mana-mana individu yang ingin berkarya.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/680921/edisi/utara/poster-kemerdekaan-tular-jpn-pulau-pinang-siasat-guru
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/poster-pertandingan-bulan-kebangsaan-tular-jpn-pulau-pinang-siasat-guru-484039
- https://malaysiapost.com.my/2024/08/17/jpn-p-pinang-tunggu-laporan-isu-poster-kemerdekaan-3-anggota-tentera-china/

Kelembapan Kerajaan Memangsakan Penternak

- Penternak ayam dilaporkan tidak menerima **subsidi telur** yang diumumkan kerajaan sehingga terpaksa menanggung perbelanjaan yang lebih besar. Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd., Datuk Ameer Ali Mydin berkata, penternak terpaksa mengurangkan pengeluaran telur untuk mengelakkan masalah aliran tunai sekali gus menyebabkan kekurangan bekalan telur di pasaran.

- Pengumuman kerajaan untuk memberi subsidi dan mengurangkan **harga runcit telur sebanyak 3 sen** pada asalnya bertujuan mengurangkan beban pengguna, tetapi langkah itu tidak memanfaatkan peniaga apabila pengumuman itu hanyalah cakap kosong dan tidak dilaksanakan.

- Selain itu, Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia, Jeffrey Ng Choon Ngee berkata, **penternak tidak menerima subsidi** telur sejak awal tahun. Beliau menyatakan bahawa kerajaan pernah mengumumkan akan memberi subsidi 10 sen untuk setiap biji telur, tetapi tiada maklumat lanjut mengenainya. Oleh itu, peniaga berdepan kerugian untuk setiap biji telur yang dijual.

- Keadaan itu menyebabkan penternak tidak berani untuk meningkatkan pengeluaran. Ada juga daripada kalangan penternak yang menyatakan mereka tidak mahu timbul masalah dengan kerajaan, namun apabila bertanya kepada agensi berkenaan, mereka memberikan pelbagai alasan.

- Kerajaan dilihat acuh tidak acuh dalam membantu penternak yang sebenarnya merupakan sektor kritikal kerana penggunaan per kapita (PCC) ayam sangat tinggi sehingga mencapai **374 kg setahun** bersamaan purata sebanyak 968 juta biji sebulan.

- Perlu diingat bahawa penternak ayam sangat bergantung kepada makanan import, yang merupakan 70% daripada jumlah kos menternak ayam. Ini

menunjukkan bahawa sektor ini memerlukan suntikan daripada kerajaan untuk terus berdaya saing.

- Perkara ini diburukkan lagi apabila dikejutkan bahawa bantuan penyasaran subsidi diesel yang dijanjikan kerajaan juga mempunyai kadar pendaftaran yang perlahan. Menteri Perladangan dan Komoditi mendedahkan hanya 16,000 daripada hampir 300,000 pekebun kecil yang layak memohon telah mendapatkan bantuan **BUDI Agri-Komoditi**.
- Beliau mengakui bahawa kegagalan kerajaan untuk menyampaikan bantuan ini adalah disebabkan kebanyakan daripada petani tiada kemudahan internet, komputer selain tidak tahu cara memohon bantuan itu secara dalam talian. Dimaklumkan pada bulan lalu, hanya 18,642 pekebun yang memohon untuk bantuan tersebut, sehingga kini hanya 16,000 yang layak. Ini menunjukkan bahawa bantuan tersebut tidak dihebahkan sebaiknya.
- Sebenarnya, kerajaan perlu sedar bahawa penetapan syarat mestilah melalui talian *'online'* ini tidak akan memberikan manfaat yang sepenuhnya kepada penternak yang rata-ratanya daripada luar bandar.
- Proses permohonan dan pengisian borang secara manual di kaunter perkhidmatan adalah diperlukan supaya pegawai yang bertugas boleh menerangkan dengan lebih mudah dan memperjelaskan secara terperinci kepada pekebun yang tidak menyedari bahawa mereka layak untuk bantuan.


RUJUKAN

- https://malaysiagazette.com/2024/08/20/telur-kurang-kerana-subsidi-belum-dibayar/
- https://www.kpkm.gov.my/bm/informasi/kenyataan-media/tahun-2022/2022/429-keterjaminan-bekalan-telur-ayam-dalam-negara
- https://www.sinarharian.com.my/article/680323/berita/nasional/hanya-16000-daftar-budi-agri-komoditi-setakat-ini

Giliran Cacar Monyet Mengganas

- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan bahawa cacar monyet atau mpox sebagai **Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa** (*Public Health Emergency of International Concern* - PHEIC) untuk kali kedua pada 14 Ogos 2024.

- Mpox merupakan satu penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus monkeypox, iaitu sejenis virus daripada genus Orthopoxvirus dalam keluarga Poxviridae. Penyakit ini boleh menyebabkan **simptom** seperti demam, ruam lepuh pada muka, tapak tangan dan kaki, kemaluan, konjunktiva dan kornea. Jangkitan boleh berlaku melalui pendedahan kepada cecair respiratori semasa hubungan intim.



- Untuk rekod, mpox **pertama kali** diisytiharkan sebagai PHEIC pada 23 Julai 2022 dan berakhir pada 11 Mei 2023. Pengisytiharan kali ini dibuat dengan menekankan penularan *strain* mpox baharu iaitu clade 1b yang lebih pantas di Republik Demokratik Congo (DRC) dan negara-negara jiran di rantau Afrika.

- Peningkatan kes di DRC amat ketara dengan lebih 15,600 kes dan 537 kematian telah dilaporkan pada tahun 2024, melebihi jumlah tahun sebelumnya. Beberapa negara di Afrika Timur juga melaporkan kes mpox buat pertama kali iaitu Burundi, Kenya, Rwanda dan Uganda.

- Setakat ini Malaysia sudah merekodkan sembilan kes mpox sejak pertama kali dikesan pada 26 Julai 2023 dan kes terakhir pada November lalu. KKM melaporkan kesemua kes tersebut mempunyai sejarah aktiviti berisiko tinggi dan telah pulih tanpa sebarang kematian.

- Kerajaan sedang berkomunikasi secara rapat dengan negara anggota ASEAN untuk memantau kes jangkitan mpox. Meskipun tidak ada apa-apa sekatan dikenakan di lokasi keluar masuk sempadan negara, namun KKM menyarankan sesiapa yang melakukan perjalanan ke negara-negara yang mencatatkan kes mpox agar mengamalkan gaya hidup sihat dan menjauhi aktiviti berisiko.
- Beberapa **negara ASEAN** yang merekodkan kes mpox adalah seperti berikut:
    - **Thailand:** 827 kes, termasuk 11 kematian bermula 1 Januari 2022 hingga 19 Ogos 2024. Golongan lelaki membentuk majoriti kes (97%).
    - **Indonesia:** 88 kes, dengan wilayah Jakarta menjadi yang paling teruk terjejas (59), diikuti Jawa Barat (13) dan Banten (9).
    - **Filipina:** Melaporkan kes pertama mpox minggu ini, mangsa seorang lelaki yang tidak pernah pergi ke luar negara.
- Semasa mpox diisytihar sebagai PHEIC buat pertama kali, WHO melaporkan kebanyakan jangkitan daripada lebih 27,000 kes dicatatkan berlaku kepada lelaki yang mengadakan hubungan sejenis dengan lelaki. Malah kerajaan UK memberi keutamaan kepada kumpulan itu untuk menerima vaksin.

RUJUKAN

- Kenyataan Media Kementerian Kesihatan Malaysia https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/posts/pfbid02kU68cBizP53ahBCa3WrsJa3E5G93AqTDYx1EhmoN84xv3zg459orNhf3zKS8m7PRl
- https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/08/15/malaysia-recorded-nine-monkeypox-cases-to-date-all-in-2023-says-health-ministry
- https://news.un.org/en/story/2024/08/1153361

Kaji Semula Penggajian Badan Berkanun

- Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) baru-baru ini menggesa kerajaan untuk mengkaji dan menyemak semula garis syiling bagi bagi eksekutif atau pengarah urusan **Badan Berkanun Persekutuan** (BBP) supaya ia diselaraskan dan tidak keterlaluan.

- Hal ini kerana, terdapat BBP yang gagal membayar dividen kepada kerajaan namun syarikat tersebut mampu menawarkan **bayaran yang tinggi bagi pengurusan tertinggi**. Refomasi bagi pembayaran emolumen BBP perlu dilaksanakan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) khususnya Bahagian Penjawatan. JPA perlu mengkaji semula prinsip "*rate for the job*" yang menentukan struktur gaji dan elaun bagi pengurusan tertinggi BBP.

- Struktur gaji bagi setiap agensi atau Badan Berkanun Persekutuan berbeza adalah disebabkan kerana objektif penubuhan, saiz dan jenis operasi yang laksanakan. DOSM melaporkan sebanyak 132 Badan Berkanun mengikut fungsi tertakluk di bawah kuasa Menteri Kewangan.


- Menurut Presiden **Pemerhati Rasuah Malaysia** (MCW), kerajaan perlu mengeluarkan satu penetapan gaji yang standard mengikut kategori syarikat, khususnya GLC yang diperbadankan atau bukan di bawah Kementerian Kewangan. Ini bagi memastikan pengurusan BBP lebih telus, berintegriti dan meningkatkan tadbir urus yang baik.

- Selain itu, bagi meningkatkan kecekapan dan ketercapaian objektif BBP, perlantikan pengurusan tertinggi Badan Berkanun Persekutuan perlulah selaras dengan kompetensi dan kelayakan. Amalan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dalam kalangan ahli politik perlu dikurangkan bagi memastikan pengurusan tertinggi BBP menjalankan tugas sesuai dengan "*core business*" entiti tersebut.

- Ahli politik yang dilantik perlu melalui proses saringan sewajarnya bagi memastikan individu tersebut berupaya memenuhi peranan dan tugas sebagai Ahli Lembaga Pengarah atau pengarah BBP. Kerajaan tidak boleh mempertaruhkan jawatan tertinggi BBP dengan melantik kroni-kroni politik.
- Selain itu, pelantikan pengurusan tertinggi BBP juga perlu bebas dari sebarang rasuah. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) berperanan besar menyemak latar belakang individu yang akan dilantik sebagai pengarah BBP. Langkah ini bagi mengelakkan ketirisan atau "*conflict of interst*" berlaku dalam melaksanakan tugas dan peranan sebagai pengarah atau Ahli Lembaga Pengarah BBP.
- Kesimpulannya, semakan semula struktur gaji dan perlantikan pengurusan tertinggi Badan Berkanun Persekutuan (BBP) adalah penting untuk meningkatkan ketelusan, integriti, dan kecekapan. Pengurusan BBP perlu bebas daripada pengaruh politik dan rasuah, serta ditadbir berdasarkan kelayakan dan kompetensi yang tepat.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1283647/gaji-ceo-badan-berkanun-jangan-keterlaluan
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1283942/gaji-ketua-bbp-wujudkan-kadar-standard-berdasarkan-kategori-agensi
- https://archive.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/senarai-badan-berkanun-persekutuan-mengikut-fungsi/resource/7471d6c9-012c-41b7-8687-b976a391521b



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**